

**Perkahwinan Dan Alam Keibuan Tidak Harus Halang Kemajuan Wanita Di Tempat Kerja - Rosmah Bernama
19 September , 2011**

PETALING JAYA, 19 Sept (Bernama) -- Datin Seri Rosmah Mansor berkata perkahwinan dan alam keibuan tidak seharusnya menjadi penghalang kepada kemajuan wanita di tempat kerja.

"Jika seseorang wanita itu berkebolehan, cekap dan mempunyai hasrat untuk bekerja, tiada sebab untuk dia dinafikan peluang untuk menyumbang kepada kesejahteraan dan pertumbuhan ekonomi negara," kata isteri Perdana Menteri semasa menyampaikan ucapan pada Forum Ekonomi Wanita Dunia di sini Isnin.

Forum dua hari itu yang bertemakan 'Memperkukuhkan Pemberdayaan Ekonomi Wanita: Satu Rangka Tindakan Bagi Kejayaan' bermula hari ini anjuran Institut Strategi dan Kepimpinan Asia dan dihadiri lebih 250 wakil dari 26 negara termasuk Belgium, Brazil, Argentina, Romania dan China.

Dalam ucapannya bertajuk 'Meningkatkan Peluang Ekonomi bagi Wanita: Langkah ke Hadapan', Rosmah berkata tanggapan lelaki dan wanita perlu diubah supaya mengiktiraf bahawa perkahwinan serta alam keibuan tidak seharusnya menghalang kemajuan wanita di tempat kerja dan ia bersesuaian dengan penyertaan wanita dalam bidang ekonomi.

Dalam konteks ini, katanya syarikat perlu menyediakan kemudahan mesra wanita, misalnya pusat jagaan kanak-kanak, waktu kerja anjal dan laluan kerjaya yang boleh disesuaikan.

"Meninggalkan budaya, perundangan dan halangan yang mengekang wanita daripada meraih ganjaran ekonomi adalah sangat mustahak. Apabila perkara ini berlaku, ia tidak syak lagi akan meningkatkan standard kehidupan yang kemudiannya memberi manfaat kepada keluarga, masyarakat dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi," katanya.

Rosmah berkata terdapat keperluan untuk mewujudkan program penyertaan semula ke arah meningkatkan kemahiran manakala latihan semula perlu disediakan kepada wanita yang mengambil cuti untuk mengasuh anak mereka.

Bagi wanita yang melewati usia persaraan namun masih berupaya memberi sumbangan, mereka harus diberi peluang berbuat demikian, dan inisiatif khas untuk mencungkil bakat serta kepakaran mereka perlu dipertimbangkan secara serius, katanya.

"Satu lagi faktor penting untuk meningkatkan peluang ekonomi kaum wanita adalah menerusi keusahawanan, dengan banyak negara menggalakkan inisiatif ini sebagai strategi penting untuk meningkatkan peluang ekonomi kepada wanita," katanya.

Rosmah berkata dalam usaha menjadi usahawan yang berjaya, wanita seharusnya mengembangkan pelan atau strategi perniagaan mereka dengan visi, misi serta sasaran yang jelas, dan mereka perlu memiliki kemahiran yang penting seperti perancangan perniagaan, pengurusan kewangan dan penilaian keadaan pasaran.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=614464>